

# Siapa cakap Sumandak Sabah pandai masak nasi saja!

UB 15.09.2021 P. 06

"SUMANDAK Sabah mana kau mau cari, semua lawa-lawa pandai masak nasi".

Itu antara bait lirik lagu Sumandak Sabah nyanyian Marshia Londoh dan Velvet Aduk yang dilancarkan pada tahun 2018, masih menjadi sutan ramai hingga kini.

Apapun pasti, sumandak yang bermaksud gadis dalam bahasa Dusun bukan sekadar pandai masak nasi sahaja tetapi bakat dan kemahiran mereka adalah lebih daripada itu.

Bagi Harithah Kinsu, 33, dari Ranau, dia bukan sahaja cekap memasak dan menjahit tetapi juga mahir menjalankan perniagaan atas talian.

"Saya belajar berniaga sejak kecil lagi daripada ibu yang membuka kedai rumit di kampung dan beliau menjadi sumber inspirasi saya untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan."

"Semasa di universiti, saya berniaga kecil-kecilan dengan menjual kanta lekap secara atas talian dan selepas tamat pengajian, saya bekerja sebagai kerani di syarikat swasta di Kota Kinabalu dan sambil-sambil itu menjual masakan tradisi Kadazan-Dusun secara atas talian,"



ANGGUN: Harithah Kinsu, 33, berasal dari Ranau memakai 'lapoi' iaitu pakalan tradisi dari daerah Ranau.

katanya yang berkelulusan Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain itu, Harithah turut mengambil tempahan membuat aksesori dan pakaian tradisi 'Lapoi' daerah Ranau dan 'Sinuanga' dari daerah Penampang.



SENI: Harithah menghasilkan produk buatan tangan bermotif tradisi.

Menurut Harithah, masyarakatnya yang mendalam terhadap tradisi Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus (KDMR) menyebabkan beliau mahu mengekalkan motif pakaian dan aksesori tradisi kaum berkennaan menerusi hasil tangannya.

"Saya percaya tidak semua orang mampu untuk memiliki pakaian dan aksesori tradisional kerana haraganya yang agak mahal."

"Jadi timbul idea saya untuk menjahit dan menjual produk tersebut dengan harga mampu milik."



PRODUK SABAH: Manik-manik yang dibeli daripada suri rumah di Kudat.



TRADISI: 'Susuga' atau cekak rambut yang bermotif tradisi orang Sabah.

"Maka terhasil akessori rambut seperti 'Susuga' (cekak rambut), getah rambut dan pakaian yang berinspirasi motif tradisi KDMR, "ujarnya yang memnamakan perniagaan atas taliannya 'Huminodun'.

Tambahnya lagi, mendengar sahaja Huminodun, pasti teringat pertandingan Unduk Ngadau yang diraikan setiap tahun.

Beliau turut memberitahu cabaran utama dalam menjalankan perniagaan tradisi adalah mencari idea dan kelainan terhadap produknya.

"Saya mengambil masa mengkaji dan belajar tentang kaum lain di negeri ini agar mudah untuk saya mencari ide motif sesuatu kaum dapat ditonjolkan menerusi produk saya."

"Bagi saya, nama ini mempunyai keunikan dan maksud yang baik serta dekat dengan jiwa KDMR

selain berkait rapat dengan produk yang saya jual iaitu produk bertemakan tradisi," jelasnya.

Tambahnya lagi, mendengar sahaja Huminodun, pasti teringat pertandingan Unduk Ngadau yang diraikan setiap tahun.

Beliau turut memberitahu cabaran utama dalam menjalankan perniagaan tradisi adalah mencari idea dan kelainan terhadap produknya.

"Saya mengambil masa mengkaji dan belajar tentang kaum lain di negeri ini agar mudah untuk saya mencari ide motif sesuatu kaum dapat ditonjolkan menerusi produk saya."

"Selain itu, cabaran dari segi mencari bahan-bahan dengan harga yang berpatutan," kongsinya.

Tambahnya, dalam masa yang sama turut membantu para suri rumah menambah pendapatan kerana bahan dan barang seperti manik dibeli daripada mereka.

Harithah turut berkata, mesej yang ingin disampaikan menerusi penghasilan produknya adalah supaya generasi muda mengetahui pakaian dan aksesori tradisi kaum sendiri dan juga kepada masyarakat luas supaya dapat mengenali serba sedikit mengenai kelengkapan dan pakaian tradisi orang Sabah.

Semoga usaha gigih ibu dua anak ini dapat memberi inspirasi serta semangat kepada lebih ramai wanita di luar sana untuk berkekalkan dalam bidang kraf-tangan dan menghasilkan produk-produk yang berinovatif hingga mampu menjulang nama di persada dunia. — Penerangan

Tambahnya, adalah satu kerugian sekiranya khazanah budaya ini tidak dikekalkan dan warga KDMR sepatutnya berbangga dengan adat dan budaya sendiri.

Dalam pada itu, Harithah bersyukur walaupun perniagaannya agak perlahan semasa pandemik ini, permintaan terhadap hasil kraf-tangannya tetap ada.

"Mungkin kerana saya menjual secara atas talian menerusi media sosial Facebook dan Instagram, Huminodun's Collection, jadi mudah para pelanggan membuat tempahan darise-luruh Sabah mahupun dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia," jelasnya.

"Saya berharap usaha kecil ini dapat membantu mencegalkan tradisi, adat dan budaya suku kaum di Sabah dan akan terus berkekalkan pada masa akan datang," katanya sebelum mengakhiri temu bual bersama pemberita.